



POSTER para pemimpin UMNO dipasang di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

# Beri UMNO ruang, elak dominasi DAP

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI  
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pembahagian jawatan Kabinet secara adil kepada parti dengan mengikut jumlah kerusi terbanyak perlu dilakukan andai terbentuknya kerajaan perpaduan untuk menyelesaikan kemelut politik yang berlaku sekarang.

Penganalisis politik Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain berkata, berdasarkan kepada jumlah kerusi yang ada dalam Dewan Rakyat, UMNO selayaknya diberikan ruang menerusi jumlah tertinggi.

Katanya, DAP walaupun mempunyai jumlah kerusi yang banyak, parti komponen Pakatan Harapan (PH) itu tidak boleh mendominasi kerajaan.

"Agihan kerusi yang adil perlu ditegakkan. Adil bukan ber-

maksud sama rata, tetapi meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan melihat kepentingan awam.

"Konsep kerajaan perpaduan boleh dilihat di Indonesia apabila Jokowi melantik Prabowo Subianto, musuh politik beliau ke dalam Kabinet," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

UMNO sebelum ini menimbang menarik diri daripada menyokong Perikatan Nasional (PN) atau membuat syarat baharu secara perjanjian bertulis sebelum meneruskan kerjasama dengan kerajaan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pada yang sama, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah mempersembahkan dokumen mengenai jumlah ahli parlimen yang menyokong beliau.

Berdasarkan jumlah kedudukan kerusi di Parlimen terkini,

DAP mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 42 diikuti UMNO dan PKR iaitu masing-masing 39 serta 38.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan, Politik Dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, kerajaan yang dibentuk harus kompromi dalam memilih kedudukan termasuklah UMNO dan DAP sekiranya kehendak mendesak.

"Mereka perlu cari jalan untuk mengharmonikan hubungan sesama mereka demi perpaduan Malaysia.

"Kerajaan perpaduan mungkin jalan sementara menyelesaikan kemelut politik dalam kita menghadapi krisis Covid-19 masa kini. Bagaimanapun, kerajaan perpaduan mungkin juga bukan jalan terbaik selesaikan kemelut politik ini. Ini kerana kita perlukan pembangkang yang kuat untuk menjadi semak dan imbang kerajaan," jelasnya.